



## **GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN BAGI SETIAP PUSAT TANGGUNGJAWAB / FAKULTI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

### **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan sebagai panduan asas kepada semua warga kerja Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk rujukan dan pelaksanaan bagi penggunaan Tabung Penjanaan Pendapatan atau lebih dikenali sebagai Tabung *Enterprise* Pusat Tanggungjawab / Fakulti.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mensyaratkan setiap universiti awam di Malaysia, perlu menjana pendapatan sendiri bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan operasi masing-masing di samping mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan daripada Kerajaan.
- 2.2 Lonjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Kemampanan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan Universiti.
- 2.3 Kementerian juga telah melancarkan buku '*Purple Book: Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf*' sebagai panduan kepada universiti awam dan kesemua IPT berkenaan cara –cara untuk meningkatkan kebolehan penjanaan kepada Universiti.



2.4 **Jawatankuasa Pengurusan Universiti kali ke-20 Bil.3/2022** telah memperaku dan meluluskan Garis Panduan Penggunaan Tabung Penjanaan Pendapatan Bagi Setiap Pusat Tanggungjawab / Fakulti di UniMAP.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 3.1 Memberikan panduan kepada semua Pusat Tanggungjawab mengenai tatacara penggunaan wang daripada Tabung Enterprise yang telah dijana oleh setiap PTj.
- 3.2 Menggalakkan setiap PTj untuk meneroka pelaksanaan inisiatif untuk menganjurkan aktiviti penjanaan pendapatan yang dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab Universiti.
- 3.3 Membantu Universiti dalam mengurangkan kos operasi daripada menggunakan peruntukan daripada Kerajaan.
- 3.4 Sebagai salah satu inisiatif dalam perancangan UniMAP 2025 - Kluster Kelestarian Kewangan bagi KPI – Nilai Penjanaan keseluruhan Pusat Tanggungjawab.

### **4.0 PELAKSANAAN AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN DI PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB/FAKULTI**

- 4.1 Pelaksanaan aktiviti penjanaan pendapatan di peringkat Pusat Tanggungjawab/Fakulti perlu melalui **Bahagian Perniagaan Strategik, Jabatan Bendahari**, di mana PTj yang menyelaraskan semua aktiviti penjanaan di Universiti.
- 4.2 Garis panduan ini merujuk juga kepada Polisi Penjanaan Pendapatan Universiti, di mana dinyatakan secara lengkap skop & kaedah, pengurusan dan kadar agihan keuntungan bagi setiap aktiviti penjanaan pendapatan di Universiti.
- 4.3 Aktiviti penjanaan pendapatan yang boleh dilaksanakan di peringkat PTj antaranya adalah penganjuran seminar, kursus, bengkel, konsultansi,



perundingan dan lain-lain projek penjanaan pendapatan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

## 5.0 KELULUSAN PENGGUNAAN TABUNG ENTERPRISE

- 5.1 Kelulusan penggunaan wang daripada Tabung Enterprise Pusat Tanggungjawab adalah melalui **kelulusan Ketua Jabatan/Dekan** sahaja **kecuali** bagi pembelian harta modal (Vot 35) perlu dibuat kertas cadangan ke Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU). Permohonan boleh dibuat melalui capaian borang di **Lampiran 1**.
- 5.2 Panjar wang runcit (*petty cash*), bayaran gaji/emolumen dan pemberian biasiswa adalah **TIDAK DIBENARKAN** melalui tabung penjanaan ini.
- 5.3 Penubuhan Jawatankuasa Tabung *Enterprise* sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli disetiap PTj.
- 5.4 Peratusan bagi perbelanjaan tahunan PTj dari Tabung *Enterprise* adalah **tidak melebihi 40%**.
- 5.5 Setiap PTj hanya dibenarkan membuka satu tabung penjanaan sahaja dan semua agihan untuk tabung penjanaan akan dimasukkan ke dalam tabung ini. Rujuk senarai kod tabung penjanaan bagi setiap PTj/Fakulti yang terkini di **Lampiran 2**.
- 5.6 Tanggungjawab PTj sendiri untuk mengawal dan menguruskan aktiviti kewangan tabung ini dan sekiranya ada lebihan, baki ini boleh dibawa ke hadapan.
- 5.7 Penggunaan wang daripada tabung penjanaan ini mestilah mengikut prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.



5.8 Penggunaan wang daripada Tabung *Enterprise* adalah bagi menampung ketidakcukupan peruntukan mengurus tahunan yang diluluskan. Antara tujuan penggunaannya adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- a) Penganjuran bengkel/aktiviti dalaman anjuran PTj/Fakulti;
- b) Bayaran honorarium/insentif bagi aktiviti pengajaran & pembelajaran PTj/Fakulti;
- c) Keperluan peralatan pejabat PTj/Fakulti;
- d) Penganjuran aktiviti di bawah kendalian kelab staf/pelajar di PTj/Fakulti; dan
- e) Sebarang kelulusan selain daripada perkara (a-d) tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor.

## **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Garis panduan ini akan berkuatkuasa mulai 21 Mac 2022. Penguatkuasaan garis panduan terbaru ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 7 Tahun 2015 terdahului terbatal.

**BAHAGIAN PERNIAGAAN STRATEGIK,  
JABATAN BENDAHARI,  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**MAC 2022**





**BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN TABUNG PENJANAAN  
PENDAPATAN PTj (TABUNG ENTERPRISE)**

UNIT PENJANAAN  
BAHAGIAN PERNIAGAAN STRATEGIK  
JABATAN BENDAHARI  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

<b>MAKLUMAT PEMOHON</b>											
<b>Nama Penuh</b>											
<b>Pusat Tanggungjawab / Fakulti</b>											
<b>Telefon Bimbit</b>	-										
<b>No. Staf</b>						E-mel					
<b>MAKLUMAT PERMOHONAN PERBELANJAAN</b>											
<b>Tujuan Permohonan</b>											
<b>Tarikh Aktiviti</b>											
<b>Kod Tabung</b>											
<b>Baki Semasa Peruntukan Tabung</b>											
<b>TANDATANGAN DAN COP PEMOHON</b>											
(Tandatangan Pemohon)											
Tarikh:											
<b>TANDATANGAN DAN KELULUSAN KETUA JABATAN</b>											
<p>Saya mengesahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon adalah benar, munasabah, baki tabung adalah mencukupi dan saya juga bertanggungjawab sepenuhnya diatas pengesahan ini.</p>											
(Tandatangan dan Cop Ketua Jabatan)											
<p>Nama: Jawatan: Tarikh:</p>											
<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN BENDAHARI</b>											
<b>Nota</b>											

**Syarat-Syarat Am :**

1. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar beserta perincian maklumat seperti kertas kerja / ringkasan eksekutif bagi menyokong permohonan ini.
2. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada baki peruntukan yang mencukupi dan perbelanjaan yang dibenarkan sahaja.
3. Penggunaan wang daripada tabung penjanaan ini mestilah mengikut prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.
4. Kelulusan hanya diberikan oleh Ketua Jabatan sahaja kecuali bagi Pembelian Harta Modal (Vot35) hanya melalui Jawatankuasa Pengurusan Universiti.



**SENARAI KOD PROGRAM TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT  
TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS STRUKTUR BARU 2022**

<b>BIL</b>	<b>TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT TANGGUNGJAWAB</b>	<b>KOD PROGRAM</b>
1	Pejabat Naib Canselor ( <b>PTNC PNC</b> )	5010-00010
2	Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa ( <b>PTNC A&amp;A</b> )	5020-00010
3	Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi ( <b>PTNC P&amp;I</b> )	5044-00010
4	Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni ( <b>PTNC HEPA</b> )	5024-00010
5	Jabatan Pendaftar ( <b>Registra</b> )	5021-00010
6	Jabatan Bendahari ( <b>Bursary</b> )	5022-00010
7	Jabatan Perpustakaan ( <b>PTSFP</b> )	5023-00010
8	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik ( <b>FTKE</b> )	5064-00010
9	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik ( <b>FTKEN</b> )	5065-00010
10	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal ( <b>FTKM</b> )	5066-00010
11	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia ( <b>FTKK</b> )	5068-00010
12	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam ( <b>FTKA</b> )	5043-00010
* 13	Pusat Teknologi Komunikasi & Pembangunan Insan	5032-00010
* 14	Pusat Bahasa Antarabangsa	5033-00010
* 15	Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan	5034-00010



*	16	Institut Matematik Kejuruteraan	5048-00010
*	17	Pusat Ko-Kurikulum	5052-00010
	18	Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti ( <b>SQM</b> )	5019-00010
	19	Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital ( <b>DMDC</b> )	5028-00010
	20	Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat ( <b>CEICnet</b> )	5070-00010
	21	Pusat Pengajian Siswazah ( <b>CGS</b> )	5012-00010
	22	Pusat Libatsama Antarabangsa ( <b>CIE</b> )	5049-00010
	23	Pusat Pembangunan Professional & Pembelajaran Berterusan ( <b>PDCE</b> )	5069-00010
	24	Pusat Pengurusan Penyelidikan ( <b>RMC</b> )	5013-00010
	25	Institut Kejuruteraan Nano Elektrik ( <b>INEE</b> )	5045-00010
	26	Institut Agroteknologi Lestari ( <b>INSAT</b> )	5051-00010
	27	Jabatan Pembangunan ( <b>JP</b> )	5026-00010
	28	Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari ( <b>COSCEM</b> )	5063-00010
	29	Penerbit Unimap ( <b>UniPRESS</b> )	5046-00010
	30	Pusat Kebudayaan ( <b>PKBU</b> )	5072-00010
	31	Pusat Islam & Pembangunan Insan ( <b>PIMPIN</b> )	5055-00010
	32	Pusat Sukan & Rekreasi ( <b>PSR</b> )	5050-00010
	33	Pusat Kesihatan Universiti ( <b>PKU</b> )	5017-00010



34	Pusat Perhubungan Alumni (PPA)	5067-00010
35	Pusat Perumahan Pelajar (PPP)	5029-00010
36	Pusat Komunikasi Korporat (PKK)	5062-00010
37	Jabatan Keselamatan (JKES)	5025-00010

\* Tertakluk kepada perubahan penstrukturran semula fakulti.



## **CARTA ALIR PERMOHONAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN TABUNG PENJANAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/FAKULTI**

